

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5

**Forbes iktiraf dasar Kerajaan MADANI perbetul ekonomi negara**

# Forbes iktiraf dasar Kerajaan MADANI perbetul ekonomi negara

**Siri cukai baharu, rasionalisasi subsidi pastikan dasar fiskal kekal mampan**

Oleh Shahrizan Salian  
shahrizan\_salian@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memimpin kerajaan sejak Disember 2022 telah mengambil pelbagai langkah untuk memperbaikkan ekonomi Malaysia yang dibelenggu oleh kerosotan akibat pandemik global dan masalah struktur berpanjangan, demikian menurut majalah perniagaan terkemuka antarabangsa, *Forbes*.

Bagi menangani ketidakcukupan fiskal, Perdana Menteri memperkenalkan beberapa siri

cukai baharu, termasuk menaikkan kadar Cukai Perkhidmatan dan Cukai Keuntungan Modal, yang diunjurkan akan meningkatkan hasil kerajaan sebanyak kira-kira RM3.45 bilion.

Di samping itu, Dasar Gaji Progresif bakal diperkenalkan untuk menyelaraskan pertumbuhan gaji dengan produktiviti, bertujuan mengatasi isu gaji dan meningkatkan taraf hidup.

"Dasar ini bertujuan untuk memastikan bawahan apabila pekerja menjadi lebih produktif, gaji mereka akan meningkat dan dengan itu meningkatkan kuasa beli serta kesejahteraan ekonomi secara keseluruhan," kata Professor di Henley Business School, University of Reading, Benjamin Laker dalam komentarnya yang diterbitkan majalah itu.

Pendekatan Anwar untuk mengoptimumkan kos, terutama rasionalisasi subsidi dan mengurus kos perkhidmatan awam turut mendapat pujian Laker.

"Perubahan membabitkan pen-

jawat awam baharu kepada skim Kumpulan Wang Simpanan Perkerja (KWSP) dijangka mengurangkan kos pence nangka panjang, adalah satu langkah penting. Langkah ini bertujuan meringankan beban kewangan kerajaan dengan mengalihkan liabiliti pence pada masa depan kepada model lebih mampan," katanya.

#### Pelaburan meningkat

Beliau menambah, enakmen Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal pulak mengintuisikan pengurusan fiskal yang berhemat dengan sasaran kepada defisit fiskal tiga peratus dan nisbah 60 peratus hutang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Rangka kerja perundangan ini bertujuan memastikan dasar fiskal Malaysia kekal mampan dalam jangka panjang, menawarkan persekitaran ekonomi stabil yang kondusif kepada pertumbuhan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, usaha Perdana Menteri untuk menarik sektor bernilai tinggi seperti fabrikasi semikonduktor dan teknologi digital, mempercepat kelulusan pelaburan langsung asing (FDI) dan meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan memberi implikasi ketara kepada Malaysia serta rantau Asia.

"Dengan memberi tumpuan kepada sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan kemajuan teknologi, Malaysia menyasarkan untuk meningkatkan rantaian nilai global dan mendorong ekonomi yang lebih dinamik dan berdaya saing," katanya.

Beliau menambah, langkah untuk menggalakkan kualiti pelaburan tertumpu terhadap produktiviti buruh menerusi automasi dan peningkatan perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan.

"Inisiatif ini dihasilkan untuk mewujudkan ekonomi yang lebih

berteraskan inovasi, mengurangkan kebergantungan kepada buruh berkemahiran rendah dan meningkatkan produktiviti," katanya.

Bagaimanapun, Laker menekankan cabaran tetap wujud dengan berpandangan bahawa ada potensi halangan, sebagai contoh dari segi usaha untuk menyerahkan semula subsidi petrol dan kos sara hidup tinggi yang dikaitkan dengan pemotongan subsidi baru-baru ini.

Namun, beliau berkata, perjalanan Malaysia boleh menjadi contoh kepada negara lain dalam mengemaskini pemuliharaan pasca-pandemik dan transformasi struktur.

Beliau yakin menuju ke hadapan beberapa tahun yang akan datang ini akan menjadi ujian bukan hanya terhadap kekuatan politik Anwar, malah daya tahan negara ini untuk mendapatkan semula keteguhan ekonomi dan kedudukannya di persada global.